

MALAM APRESIASI PERSATUAN PING PONG TUDM

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5730-malam-apresiasi-persatuan-ping-pong-tudm

SUBANG, 16 Dis 19 - Majlis Apresiasi Persatuan Ping Pong TUDM telah diadakan di Kelab Rekreasi Tentera Udara Pangkalan Udara Subang bagi menghargai Penaung Persatuan, Lt Jen Datuk Kamalruzaman bin Mohd Othman TUDM yang akan bersara.

Perlantikan beliau sebagai Penaung Persatuan bermula dari 13 Sep 16 banyak memberi semangat dan inspirasi kepada semua pemain TUDM amnya dan barisan pemain utama khasnya. Beliau juga merupakan antara barisan pemain utama TUDM turut menyumbang tenaga bagi menjulang pasukan ping pong TUDM merangkul kejuaraan peringkat ATM dua tahun berturut-turut.

Majlis ini dihadiri oleh Pengerusi Persatuan, Lt Kol Wan Amir Zaki bin Wan Hassan TUDM serta semua pemain Ping Pong TUDM.

